

BREACOL EXPECTORANT FOR CHILDREN

Guaifenesin (50 mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Breacol Expectorant for Children
2. Bagaimana Breacol Expectorant for Children berfungsi
3. Sebelum mengambil Breacol Expectorant for Children
4. Cara mengambil Breacol Expectorant for Children
5. Semasa mengambil Breacol Expectorant for Children
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Breacol Expectorant for Children
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RIMUP

Apakah kegunaan Breacol Expectorant for Children

Breacol Expectorant for Children digunakan sebagai ekspektoran untuk melegakan batuk yang disebabkan oleh selsema atau jangkitan saluran pernafasan.

Bagaimana Breacol Expectorant for Children berfungsi

Breacol Expectorant for Children mengandungi Guaifenesin yang bertindak sebagai ekspektoran yang memudahkan penyingkiran mukus.

Sebelum mengambil Breacol Expectorant for Children

- Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda hipersensitif kepada Guaifenesin atau sebarang bahan kandungan lain dalam rumusan.

- Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini. Penggunaan semasa hamil dan menyusukan anak hendaklah dipertimbangkan berdasarkan manfaat risiko. Beritahu doctor atau ahli farmasi jika anda hamil atau sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain.

Cara mengambil Breacol Expectorant for Children

- Berapa banyak harus diambil

DOS:

Umur: 2 hingga 6 tahun: Ambil 1-2 sudu teh (5—10ml) setiap 4 jam seperti yang diperlukan.

Umur: 6-12 tahun: Ambil 2-4 sudu teh (10-20ml) setiap 4 jam seperti yang diperlukan.

Jangan berikan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 2 tahun. Hubungi doktor anda sebelum memberikan ubat ini.

Ambil ubat ini dengan berhati-hati dan dapatkan nasihat doktor/ahli farmasi anda bagi kanak-kanak yang berumur 2 hingga 6 tahun.

- Bila perlu diambil

Ambil Breacol Expectorant for Children setiap 4 jam apabila perlu.

- Berapa lama perlu diambil

Jika anda batuk lebih daripada seminggu, hubungi doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil Breacol Expectorant for Children, ambil ubat ini pada dos berikutnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan berlebihan boleh menyebabkan loya dan muntah. *Guaifenesin* juga boleh memberikan kesan pembuangan asid urik yang ringan, manakala dos tinggi boleh menyebabkan terbentuknya batu karang dalam buah pinggang, pundi atau salur kencing. Jika anda mengambil ubat ini lebih daripada yang sepatutnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa mengambil Breacol Expectorant for Children

- Perkara yang perlu dilakukan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat melebihi dos yang disyorkan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda ingin mengambil ujian sindrom karsinoid, beritahu doktor yang anda sedang mengambil ubat ini kerana ia boleh mengubah keputusan ujian ini.

Jika simptom berterusan, hubungi doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Breacol Expectorant for Children jarang menyebabkan rasa tidak selesa pada gastrousus dan mengantuk.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Breacol Expectorant for Children

- Penyimpanan

- Jangan ambil Breacol Expectorant for Children selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada pembungkus selepas 'Exp'.
- Jangan simpan Breacol Expectorant for Children di atas suhu 30°C.

- Pelupusan

- Buang botol sebaik sahaja ubat habis atau selepas tamat tempoh.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna merah, tiada benda asing dan hablur. Mempunyai bau dan rasa pudina dan ceri yang lembut.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Guaifenesin
- Bahan tidak aktif: sodium benzoate, potassium sorbate, cherry flavour, peppermint oil, citric acid anhydrous, saccharin sodium, sucrose, sodium citrate, FD&C Red No.40, air tulen.

- Nombor MAL:

MAL13115225XC

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bangi,
Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

A. Menarini Singapore Pte. Ltd.
B-18-2, Level 18, The Ascent
Paradigm, No 1, Jalan SS 7/26A,
Kelana Jaya, 47301
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP:

24/05/2017

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)230517/00111